

Melayu
SJK
1 $\frac{1}{4}$ jam

Nama:

Kelas:

NO. KAD PENGENALAN/
NO. SIJIL KELAHIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

GERAK GEMPUR AKHIR TAHUN 2017 TAHUN 5

BAHASA MELAYU SJK – PEMAHAMAN 021

Bahagian B

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan angka giliran kamu pada petak yang disediakan.
2. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini.
3. Serahkan **Bahagian B** ini bersama-sama kertas jawapan objektif kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
No. Soalan		Markah
21	(a)	
	(b)	
	(c)	
22		
23	(a)	
	(b)	
	(c)	
24	(a)	
	(b)	
	(c)	
25	(a)	
	(b)	
	(c)	
Jumlah		/30

Kertas peperiksaan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

BAHAGIAN B
[30 markah]

Soalan 21

a. **Padankan** perkataan yang betul bagi melengkapkan ayat.

(i)	Hubungi kami _____ terdapat sebarang masalah.	sambil
(ii)	Beta berbesar hati _____ kalian mengharumkan nama negara.	jika
(iii)	Jangan makan _____ bermain telefon pintar.	tetapi
(iv)	Tugasan itu sukar _____ tidak mustahil untuk dilakukan.	kerana

[2 markah]

b. **Tulis betul atau salah** bagi penggunaan perkataan yang bergaris dalam ayat.

(i) Sikap sombong Aima tidak disukai oleh kawan-kawannya.

(ii) Saya meminta maaf kerana bukan dapat datang ke majlis kamu.

[2 markah]

c. **Pilih simpulan bahasa** yang sesuai dan tulis pada ruang yang disediakan.

sakit hati kaki ayam kera sumbang
rambang mata ulat buku

Ayat	Simpulan Bahasa
(i) Azfan suka membaca buku pada masa lapang.	
(ii) Azfan berasa teruja apabila melihat buku yang sangat banyak di perpustakaan.	

[2 markah]

SULIT

7.

Soalan 22

Tandakan (✓) di dalam petak jawapan yang betul.

Nenek Asyura sedang sakit. Oleh itu, Asyura sekeluarga pun pulang ke kampung.

Badan neneknya

sangat	betul

lemah. Mereka tinggal di

sana untuk menjaga nenek. Asyura rajin

paling	sekali

membantu ibu bapanya menjaga nenek. Setelah seminggu, mereka

agak	nian

risau kerana nenek masih belum sembuh. Maka,

mereka pun mengambil cuti lagi. Nenek berterima kasih kepada Asyura sekeluarga kerana

mereka

benar	sungguh

prihatin terhadap kesihatan dirinya.

[4 markah]

Soalan 23

Baca jadual di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Jadual Latihan Bola Keranjang Intensif

Tempat : Gelanggang Bola Keranjang SJK(C) Ken Sit

Jurulatih : Cikgu Wong Min Fei

Tujuan : Persediaan untuk pertandingan peringkat zon

Hari	Masa	2.00 – 2.15 petang	2.20 – 2.45 petang	3.00 – 5.00 petang
Isnin		Mengambil kedatangan	Teori tentang teknik-teknik bermain bola	Senaman memanaskan badan dan latihan bola
Rabu		Mengambil kedatangan	Taktik memenangi pertandingan	Senaman memanaskan badan dan latihan bola
Jumaat		Mengambil kedatangan	Ceramah motivasi	Senaman memanaskan badan dan latihan bola

a. Latihan bola keranjang intensif diadakan pada hari _____

[1 markah]

b. Nyatakan tiga segmen yang diadakan dari pukul 2.20 hingga 2.45 petang.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

[3 markah]

c. Pada pendapat kamu, adakah senaman memanaskan badan penting? Nyatakan sebab.


[3 markah]

SULIT

10

Soalan 24

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan ayat yang lengkap.



Jambatan Kedua Pulau Pinang atau nama rasminya Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah telah siap dibina sepenuhnya pada Februari 2014. Jambatan ini menghubungkan Batu Kawan di Seberang Prai dengan Batu Maung.

Jambatan yang menelan kos RM4.5 bilion ini mempunyai panjang 24 km serta menjadi jambatan yang terpanjang di Malaysia dan Asia Tenggara.

Jambatan Kedua Pulau Pinang dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia yang keenam, Datuk Seri Mohamad Najib bin Abdul Razak pada 1 Mac 2014. Jambatan ini dinamakan bersempena Yang di-Pertuan Agong ke-14, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

a. Bilakah Jambatan Kedua Pulau Pinang siap dibina sepenuhnya?

[2 markah]

SULIT

b. Siapakah yang merasmikan Jambatan Kedua Pulau Pinang?

[2 markah]

c. Apakah nama rasmi Jambatan Kedua Pulau Pinang? Bagaimanakah jambatan ini mendapat nama rasminya?

[3 markah]

More from
www.30.com.my
Not for Sale

Soalan 25

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan ayat yang lengkap.

Aku sehelai baju. Nama aku ialah Gussy. Aku diperbuat daripada kain sutera. Warnaku biru.

Aku dijahit di sebuah kilang di Shah Alam. Semasa di dalam kilang, aku dapat berkenalan dengan banyak kawan. Kawan-kawanku terdapat dalam pelbagai jenama dan warna.

Apabila siap dijahit, aku dan kawan-kawanku telah dihantar ke sebuah butik di Kuala Lumpur. Aku digantung pada gantungan baju. Hargaku ialah RM89.90.

Pada suatu hari, seorang perempuan telah datang ke kedai itu. Dia *membelek-belek* aku lalu membeliku. Nama tuan aku ialah Tini.

Tini memakai aku ketika pergi ke pejabat. Setelah memakai aku, dia akan mencuci aku sehingga bersih dengan tangan. Apabila kering, dia menggosok badan aku dengan suhu yang sederhana supaya licin. Kemudian, dia menggantung aku di dalam almari baju. Aku sangat gembira kerana mempunyai tuan yang bertanggungjawab.

a. Perkataan *membelek-belek* dalam petikan boleh digantikan dengan perkataan

_____ [1 markah]

b. Di manakah "aku" dihasilkan dan dijual?

_____ [2 markah]

c. Pada pendapat kamu, apakah sikap yang dimiliki oleh Tini? Tuliskan satu bukti.

_____ [3 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

Jawapan

21.

(a)

- i. jika
- ii. kerana
- iii. sambil
- iv. tetapi

(b) i. betul ii. Salah

(c) i. ulat buku ii.

22. sangat, sekali, agak, sungguh

23.

(a) Isnin, Rabu, Jumaat

(b)

- i. Teori tentang teknik-teknik bermain bola.
- ii. Taktik memenangi pertandingan.
- iii. Ceramah motivasi.

(c) –

24.

(a) Februari 2014.

(b) Perdana Menteri Malaysia yang keenam, Datuk Seri Mohamad Najib bin Abdul Razak.

(c) Nama rasmi jambatan adalah Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, jambatan ini dinamakan bersempena Yang di-Pertuan Agong ke-14 Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

25.

(a) –

(b) "Aku" dihasilkan di sebuah kilang di Shah Alam dan dijual di sebuah butik di Kuala Lumpur.

(c) –

《写作练习班》由华小老师设计, 讲解, 再替你批改作文的写作课程!



点击这里购买完整版: <https://30.com.my/writing>

或者免费注册体验版 <https://30.com.my/writing-trial>

超值配套! 最优惠的价格购买《小作家课程》和《写作练习班》: <https://30.com.my/package>



只需一次付费, 即可使用长达三年! 而且内容会持续更新, 不另加收费!